

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]**
TARIKH : **19.6.2014**
SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci sebab Kerajaan membenarkan Syarikat YTL untuk membina menara pencawang Yes 4G di setiap sekolah yang mungkin menjejaskan kesihatan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemasangan peralatan Wimax 4G yang dinamakan 1BRIS (1BestariNet *Receiver Integrated System*) di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) oleh Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. (YTL) telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Pernyataan bahawa KPM membenarkan YTL untuk membina menara pencawang Yes 4G di setiap sekolah adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini, Syarikat YTL hanya dibenarkan membina menara telekomunikasi di 1,582 sekolah sahaja. Radiasi yang dijanakan oleh menara telekomunikasi 1BestariNet adalah daripada jenis tak mengionkan dan pada dalam julat 0.02 sehingga 1.30 microwatts/cm persegi iaitu jauh di bawah tahap yang ditetapkan oleh *International Committee on Non-Ionising Radiation Protection (ICNIRP)* iaitu pada tahap 1,000 microwatts/cm persegi ataupun tahap yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) iaitu 5,000 microwatts/cm persegi. KPM dan SKMM sentiasa memantau untuk memastikan tahap radiasi kekal pada tahap di atas. Rjm142